

SITI HAJAR CHE MAN  
RATNA ROSHIDA ABD RAZAK

# Penawaran Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia: *Platform* Utama ke Arah Memperkenalkan Tamadun Cina

## ABSTRAK

*Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) merupakan satu kursus wajib yang perlu diikuti oleh setiap pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia. Kursus ini, antara lain, bertujuan untuk mempelajari dan memahami bagaimana tamadun-tamadun besar dunia terbina. Hal ini penting agar tamadun Malaysia yang bakal dibina oleh rakyat Malaysia dari pelbagai etnik dapat mengambil kira resipi yang ada dalam setiap tamadun besar yang dimiliki mereka, seperti tamadun Islam, tamadun Melayu, tamadun India, dan tamadun Cina. Kertas kerja ini akan memfokuskan kepada tamadun Cina. Sebagai salah sebuah tamadun awal dunia, tamadun Cina telah memperlihatkan perkembangan dalam tiga aspek penting ketamadunannya, iaitu corak pemikiran, perkembangan sains dan teknologi, juga sosio-budaya khususnya mencakupi bidang kesusasteraan. Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini cuba melihat sejauh manakah pengisian, pengaruh, dan kerelevanan tamadun Cina dalam genre sastera dapat dimanfaatkan dalam usaha menjana pembinaan tamadun Malaysia. Pada masa yang sama, gabungan dua tamadun ini akan mengukuhkan lagi jalinan hubungan antara Cina dan Malaysia.*

**Kata-kata kunci:** *Tamadun Islam dan tamadun Asia, tamadun Cina, tamadun Malaysia, kesusasteraan dan sejarah, serta pembinaan negara-bangsa.*

## PENDAHULUAN

Kemunculan abad ke-21 telah mencetuskan minat yang begitu kuat untuk mempelajari secara mendalam ilmu yang berkaitan dengan ketamadunan. Pengajian kepelbagaian tamadun manusia akan membawa kepada satu bidang akademik yang amat relevan dengan kehidupan tanpa sempadan hari ini. Di negara Malaysia, terdapat tiga kumpulan etnik yang besar, iaitu Melayu, Cina, dan India. Meskipun ketiga-tiga etnik ini melambangkan apa yang diistilahkan sebagai penduduk Asia, namun apa yang dikatakan “bersifat

---

**Prof. Madya Dr. Siti Hajar Che Man** ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Sastera, Pusat Pengajian Kemanusiaan USM (Universiti Sains Malaysia), 11800 Minden, Pulau Pinang, Malaysia; manakala **Dr. Ratna Roshida Abd Razak** ialah Pensyarah dan Pengetua Jabatan Filsafat dan Tamadun di Pusat Pengajian Kemanusiaan USM. Bagi urusan sebarang akademik, mereka dapat dihubungi dengan alamat mele: [shajar@usm.my](mailto:shajar@usm.my) dan [ratna@usm.my](mailto:ratna@usm.my)

Asia” ini bukanlah satu entiti yang homogeneous, malah di kalangan setiap golongan umum itu wujud pecahan-pecahan dari segi budaya (Kay Kim, 2005:131). Menyedari hakikat tersebut, kerajaan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan satu mata pelajaran yang mempunyai kaitan dengan ilmu ketamadunan<sup>1</sup> untuk semua pelajar di IPT (Institusi Pengajian Tinggi) Malaysia.

Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) merupakan satu kursus wajib yang perlu dijalankan/ditawarkan oleh semua IPT, khususnya IPTA (Institusi Pengajian Tinggi Awam) semenjak tahun 1998 hinggalah sekarang. Antara matlamat utama penawaran kursus ini ialah untuk membangunkan satu generasi muda negara yang beradab murni dan mempunyai nilai toleransi dan kesefahaman yang tinggi, bersesuaian dengan *nature* Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian etnik dan budaya. Dengan pendedahan tentang ilmu ketamadunan ini, pelajar pada akhirnya diharap dapat memiliki persefahaman yang tulen, sikap saling menghormati di kalangan rakyat Malaysia yang pelbagai agama, bangsa, keturunan, dan budaya. Hal ini amat penting, terutama untuk generasi muda yang bakal menjadi pemimpin negara (Sanusi, 1998).

Di peringkat negara, penawaran kursus TITAS ini boleh dilihat sebagai satu wahana penggalan nilai-nilai yang autentik daripada pelbagai tamadun Asia yang sebenarnya ada di Malaysia (Baharuddin, 2000:75). Hal ini dianggap penting untuk mempertahankan diri dari pukulan ombak globalisasi yang mungkin menghakis nilai-nilai peribumi. Pengetahuan tentang kepelbagaian tamadun juga amat penting agar generasi muda faham bagaimana untuk menyanggah pendapat tentang kegeruhan yang akan timbul dari tamadun yang pelbagai, sebagaimana hipotesis yang diutarakan oleh Samuel Huntington seperti berikut ini:

It is my hypothesis that the fundamental source of conflict in this new world will not be primarily ideological or primarily economic. The great divisions among humankind and the dominating source of conflict will be cultural. Nation states will remain the most powerful actors in world affairs, but the principal conflicts of global politics will occur between nations and groups of different civilizations. The clash of civilizations will dominate global politics. The fault lines between civilizations will be the battle lines of the future (Huntington, 1993).

Manakala Tun Mahathir Mohamad, mantan Perdana Menteri Malaysia yang ke-4, pula menegaskan seperti berikut:

But the likelihood of Asia dominating or one Asian nation dominating the world is actually a fanciful dream. The more likely scenario is a world in which there are many powers,

---

<sup>1</sup>Perkataan “tamadun” dalam Bahasa Melayu diambil dari perkataan Bahasa Arab, *tamadun*, yang dari segi etimologinya berasal dari *madanna* yang bermaksud “memperhaluskan budi-pekerti, memperelokkan tingkah-laku”. Tamadun juga bermaksud membuka bandar atau kota. Lihat, umpamanya, Hans Wehr (1974:898-899).

economics power mainly, each a match for any of the others. All these economics powers in the East and the West, in Asia, and outside will act as the locomotives of growth for the rest of the world (Mohamad, 1996).

Dengan kata lain, kursus TITAS ini merupakan *platform* yang terbaik untuk menengahkan konsep “Dialog Antara Tamadun”. Sebagaimana dinyatakan oleh Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi, mantan Perdana Menteri Malaysia yang ke-5, dalam ucapannya ada menekankan seperti berikut:

Di dalam hubungan ini, saya mengambil perhatian bahawa pihak Kementerian Pendidikan dan universiti-universiti seperti Universiti Malaya telah pun mengambil inisiatif yang sangat penting dan berguna dengan memperkenalkan kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) di kampus masing-masing. Melalui kursus ini generasi muda yang bakal menjadi pemimpin dan penggerak pembangunan negara seterusnya berpeluang sekurang-kurangnya memahami perbezaan dan persamaan yang wujud di kalangan peradaban-peradaban yang menjadi asas kehidupan pelbagai kaum di negara ini. Bagi pihak kerajaan, saya memberi komitmen yang tidak berbelah bagi ke atas usaha-usaha yang mampu menjayakan agenda membudayakan dialog antara peradaban ini. Sebenarnya di peringkat antarabangsa, komitmen Malaysia dalam agenda global “dialog antara peradaban” telah pun ternyata apabila Malaysia merupakan salah sebuah negara (daripada 25 buah negara) yang telah menyokong usul atau idea dialog antara peradaban apabila dibentangkan dalam Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 1999 (Ahmad Badawi, 2001).

Kursus TITAS ini didukung oleh enam bahagian utama, iaitu: (1) Pengenalan Ilmu Ketamadunan, (2) Tamadun Islam, (3) Tamadun Melayu, (4) Tamadun India, (5) Tamadun Cina, dan (6) Cabaran Kontemporari dan Masa Depan Malaysia (Bakar *et al.*, 2009).

Di bahagian Tamadun Cina, topik-topik seperti perkembangan sejarah tamadun Cina, unsur-unsur asas tamadun Cina, juga pandangan semesta, pemikiran Cina, dan nilai-nilai penting dalam tamadun Cina cuba diketengahkan. Di bawah aspek pemikiran, pelajar diberi pendedahan tentang kesusasteraan, kesenian, dan teknologi dalam tamadun Cina. Pada akhirnya, interaksi tamadun Cina dengan tamadun lain; dan bagaimana pengetahuan tentang tamadun Cina ini dapat berperanan dalam pembinaan budaya kebangsaan Malaysia dijelaskan agar pelajar dapat memahami bagaimana pengetahuan tersebut dapat digunakan untuk membina tamadun Malaysia.

Melalui agenda utama Malaysia, iaitu Wawasan 2020, Malaysia diharapkan dapat melahirkan sebuah masyarakat yang bermoral dan beretika dengan berasaskan nilai-nilai murni yang terdapat dalam agama masing-masing. Nilai-nilai murni yang didukung bersama ini kelak akan menjadi asas penting dalam usaha mewujudkan kecemerlangan dalam bidang politik, sosial, ekonomi, pendidikan, dan pemeliharaan alam sekitar.

## **SEJARAH HUBUNGAN MALAYSIA – CINA**

Dalam membicarakan tamadun, disiplin sejarah tidak boleh dipinggirkan sama sekali. Hal ini kerana kedua-duanya memaparkan segala peristiwa, fakta,

dan fenomena yang berlaku pada hari ini dan akan berulang kembali pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, pengajian tamadun lebih memberi perhatian terhadap keupayaan sesebuah negara dan bangsa tersebut mencapai kejayaan yang cemerlang dan juga bagaimana tamadun tersebut akhirnya runtuh.

Pertalian kerajaan tamadun Melayu dengan tamadun Cina pada zaman pra penjajah Barat tidak banyak membuahkan kesan negatif ke atas tamadun Melayu. Ini adalah kerana kedatangan orang Cina ke alam Melayu dan negara-negara luar lain pada zaman itu bukanlah didorong oleh perasaan ingin menjajah atau memonopoli negara-negara itu. Sikap yang ada pada diri mereka ialah untuk memperluaskan hubungan yang ada, di samping menghormati dan mengiktiraf kedudukan yang ada pada mereka.

Perhubungan alam Melayu dengan Cina telah wujud sebelum permulaan tahun Masihi lagi, iaitu semenjak zaman Dinasti Han, 140-117 SM (Sebelum Masihi). Semasa pemerintahan Sun Quan (222-252 M), dua orang utusan telah dihantar untuk melawat Funan dan beberapa buah negeri lain di semenanjung Tanah Melayu dan juga di alam Melayu.

Pada zaman Srivijaya, hubungan Cina dan Asia Tenggara menjadi amat intim sekali. Hal ini disemarakkan oleh kedatangan para pedagang dan juga para pelajar yang melanjutkan pelajaran dalam pengajian ilmu agama Buddha di Srivijaya. Pada masa ini, Cina berada di bawah pemerintahan Dinasti Tang (618-907 M), yang merupakan dinasti yang paling terkenal dalam sejarah Cina kerana hubungan diplomatik yang dibinanya dengan beberapa buah negara asing. Hasil dari hubungan ini, Cina telah menerima pelbagai kunjungan rasmi dari negara-negara luar.<sup>2</sup>

Dinasti Tang ini juga telah membuka tujuh jalur jalan perdagangan dengan dunia luar, melalui alam Melayu seperti semenanjung Tanah Melayu, Srivijaya, Jawa (*He-Ling*), untuk menyambung perjalanan laut dari Guangzhou dengan India, Parsi, dan Arab. Pengunjung pertama Cina yang merakamkan pengalamannya di Srivijaya ialah I-Tsing (Yi Jing) yang sampai di Srivijaya pada tahun 67 Masihi. Dalam perjalanannya ke India, beliau sempat singgah di Srivijaya dan menetap di sana untuk tempoh 14 tahun untuk mempelajari Bahasa Sanskrit dan mendalami ilmu agama Buddha sebelum meneruskan perjalanannya. Beliau juga telah menterjemahkan buku agama Buddha dari Bahasa Sanskrit ke Bahasa Cina dan menulis dua buah buku tentang tamadun Melayu-Srivijaya.

Dinasti Song (960-1279 M) telah meneruskan hubungan baik dengan negeri-negeri luar. Walau bagaimanapun, tumpuan juga lebih banyak diberikan kepada bidang perniagaan di negeri-negeri Asia Tenggara, Asia Selatan, dan Asia Barat. Di anggarkan sebanyak 36 kali utusan Srivijaya dihantar ke negeri Cina, dan menjadikannya negara yang paling erat hubungannya dengan

---

<sup>2</sup>Di dalam dinasti inilah Islam mula diterima oleh pemerintah dan masyarakat Cina. Hal ini kerana ajaran yang ada dalam Islam menyamai ajaran lama Konfucius yang telah sebatu dalam jiwa masyarakat Cina. Lihat, umpamanya, Afifah Abu Yazid (2003:163).

negara Cina. Terdapat sebuah kuil di bandar Guangzhou yang dibina di bawah pembiayaan Raja Srivijaya pada tahun 1079 Masihi sebagai tanda hormat dan hubungan baik dengan kerajaan.<sup>3</sup>

Lebih menarik lagi, dalam kajian yang pernah dibuat oleh Syed Naquib al-Attas, beliau mencatatkan kenyataan Fa-Hsien pada abad ke-5 Masihi dan I-Tsing pada abad ke-6 Masihi, kedua-duanya pengembara Tionghua yang pernah singgah di Jawa dan Sumatera, menegaskan mengenai bahasa yang digunakan sebagai bahasa agama Buddha membayangkan penggunaan bahasa asing seperti Bahasa Sanskrit. Kunjungan mereka memberikan implikasi yang besar terhadap penyebaran agama Islam dan tamadun Cina selanjutnya di alam Nusantara selepas itu (Naquib al-Attas, 1972:16).

Keadaan perhubungan yang begitu akrab antara negeri Melaka dan Dinasti Ming selama lebih daripada satu abad, yang tiada padanya perselisihan atau pergaduhan, apatah lagi peperangan, telah disimpulkan begitu mantap sekali oleh Liang Li Ji (2009:79-80). Hubungan yang paling gemilang ini telah dibina dalam abad ke-15 Masihi. Dinasti Ming ini ditubuhkan oleh Ming Tai Zhu menggantikan Dinasti Yuan (Mongol) pada tahun 1368 M. Maharaja Ming Cheng Zhu (1403-1424 M) telah memulihkan kembali hubungan dan perniagaan dengan negara-negara luar. Pada tahun 1405, satu armada raksasa Cina sebanyak 200 kapal dengan anak kapal menjangkau 28,000 orang yang dikepalai oleh Laksamana Muhammad Cheng Ho (Zeng He) telah dihantar oleh Raja Cina, Ming Cheng Zhu, menjelajah Asia Tenggara, Asia Selatan, dan Asia Barat.

## UNSUR-UNSUR ASAS TAMADUN CINA

*Pertama, Pandangan Semesta dalam Tamadun Cina.* Pandangan semesta masyarakat Cina diasaskan oleh kepercayaan terhadap roh nenek-moyang atau *Tian*. Pandangan semesta mereka juga lebih memberi penekanan terhadap kehidupan di dunia berbanding dengan kehidupan selepas mati. Bagi orang Cina, mereka berpegang teguh kepada kepercayaan bahawa pemujaan roh nenek-moyang perlu dilakukan atas alasan mereka (nenek-moyang) telah banyak berkorban untuk memberi kesenangan dan kejayaan kepada mereka. Selain dari mempercayai mereka, orang Cina juga mempunyai kepercayaan animisme, iaitu satu corak kepercayaan terhadap kekuasaan yang dimiliki oleh roh orang yang telah meninggal dunia.

Kebanyakan konsep utama dalam tamadun Cina memberi penekanan terhadap ajaran moral yang amat diperlukan dalam menjalani kehidupan di dunia ini. Bagi orang Cina, ajaran Tuhan banyak memberi panduan bagaimana seharusnya manusia menerima hukuman.

---

<sup>3</sup>Lihat buku Hashim Musa (2005a). Ini juga merupakan antara inti pati ucapan Hashim Musa (2005b) dalam Seminar Pemantapan Kurikulum TITAS dan Hubungan Etnik Peringkat Kebangsaan di UiTM (Universiti Teknologi MARA) pada tahun 2005, dengan kertas kerja bertajuk "Ke Arah Pengajaran TITAS dan Hubungan Etnik yang Holistik", mukasurat 19.

*Kedua, Pemikiran Cina dan Nilai-nilai Utama.* Pemikiran masyarakat Cina dan sistem nilai yang didukung banyak dipengaruhi oleh pemikiran Konfucius yang memberi penekanan terhadap unsur moral dan etika yang tinggi. Antara unsur moral yang merupakan nilai utama mereka ialah konsep *Ren* (cintakan manusia), iaitu kasih-sayang yang merangkumi keseluruhan hidup masyarakat, termasuklah kasih-sayang terhadap diri sendiri, suami, isteri, ibu bapa, anak-anak, dan sesama kawan-kawan, sahabat handai, dan jiran tetangga.

Konsep *Junzi* pula memberi penekanan terhadap sifat kebaikan yang perlu diamalkan oleh sesama manusia. *Junzi* ini mempunyai kaitan yang begitu rapat dengan aspek personaliti yang ideal. Antara sifat yang boleh menjadikan seseorang itu *Junzi* ialah memiliki ilmu pengetahuan, berkebolehan, bijaksana, dan menyempurnakan segala tugas dan tanggungjawab yang telah diberi.

Konsep “Lima Hubungan”, atau dikenali sebagai *Wu Lun*, juga menekankan hubungan antara anak, ibu dan bapa, pemimpin dan rakyat, suami dan isteri, adik beradik, dan sesama kawan-kawan.<sup>4</sup>

Dalam ajaran Konfucius, anjuran untuk membina sebuah keluarga yang baik bermula dengan pembinaan sebuah keluarga yang bahagia. Untuk membina sebuah keluarga yang bahagia sudah tentulah perlu bermula dengan individu-individu yang terdiri daripada ibu dan bapa yang baik, yang memahami tugas dan tanggungjawab terhadap mereka yang berada di bawah tanggungannya. Kebaikan diri insan pula bermula dengan proses penyucian hati nurani dan kejujuran budi yang diadunkan melalui ilmu dan pengetahuan.<sup>5</sup>

Tamadun Cina yang diasaskan oleh konsep humanisme, iaitu satu konsep yang memberi penekanan terhadap manusia sebagai mereka yang mempunyai peranan yang begitu unggul di dalam dunia ini. Moralisme, seperti juga humanisme, menekankan keharmonian, kesederhanaan, ketaatan, sebagaimana yang diterangkan di dalam prinsip *Datong* yang bermaksud *the Grand Unity*. Prinsip *Datong* ini merupakan utopia Konfusian yang diibaratkan sebagai *Jalan Agung*, dan hanya dapat dicapai apabila segala benda di dunia ini dikongsi atau diagihkan sama rata oleh semua pihak dengan berpaksikan konsep adil dan saksama, terhindar dari pembaziran, dan menekankan kepentingan bersama.

Usaha yang berterusan amat diperlukan sebagai usaha untuk merealisasikan matlamat ini memerlukan keyakinan diri dan ketabahan hati (UM, 2004). Perkara ini mempunyai kaitan yang agak rapat dengan pandangan Malik Bennabi, tokoh pemikir dari Syria yang pernah menyarankan bahawa:

Bukan industri, bukan teknologi yang canggih, dan bukan wang pula yang mampu mengangkat bangsa itu mendirikan tamadun yang agung. Yang menentukan, sama ada

<sup>4</sup>Huraian yang lebih lanjut boleh diperoleh daripada buku rujukan TITAS yang dikeluarkan oleh Esa Khalid & Mohd Azhar Abd Hamid eds. (2004).

<sup>5</sup>Ajaran Konfucius ini dianggap sebagai *the Golden Rules of Life*, iaitu penekanan yang diberikan agar manusia jangan melakukan sesuatu yang dibenci ke atas orang lain, jika kita tidak ingin diperlakukan sedemikian. Untuk huraian yang lebih terperinci, lihat Lok Chong Hoe (1998:21).

umat itu maju atau membangun, ialah idea pendorong. Idea ini yang membangkitkan tekad dan azam menjadikan budaya masyarakat dengan kekuatan jangka panjang dalam (dalam Bairun, 1993).

Setiap individu itu perlu dibangunkan dengan kekuatan spiritualnya, kerana di sinilah letak kekuatan sebenar seseorang individu. Spiritual merupakan antara tiga komponen terpenting manusia, selain daripada fizikal dan intelektual. Pembangunan spiritual ini perlulah seiring dengan pembangunan fizikal dan intelektual. Antara elemen spiritual yang diperlukan ialah keyakinan diri secara kolektif, iaitu rasa bangga terhadap keahlian masyarakat dan pencapaian yang diperolehi, bersikap teguh dalam menghadapi cabaran, dan sentiasa menekankan kualiti.

Di dalam kursus TITAS (Tamadun Islam dan Tamadun Asia) ini juga pendidikan sahsiah dan pekerti amat ditekankan melalui penghayatan nilai-nilai murni, semangat cintakan negara, daya tahan, dan memupuk sikap perpaduan yang tinggi. Untuk mencapai matlamat ini, nilai kerohanian atau spiritual perlulah diberi penekanan yang serius dan perlu menjadi teras dalam aspek pendidikan. Di Jepun, misalnya, usaha seperti ini dijalankan secara sistematik oleh sebuah institusi yang dikenali sebagai *Institute of Moralogy* yang berperanan menguatkan elemen kerohanian melalui pendidikan berasaskan falsafah bahawa:

The importance of spiritual values in the development of contemporary societies based essentially on the progress of science and technology, the weight of the moral factor in the formation of the individual, and the balance to be maintained in the moral field between continuity and change, between tradition and innovation (Rassekh & Vaideanu, 1997).

Personalisme, yang merupakan konsep penting dalam tamadun Cina, merupakan pemupukan sendiri juga wajar diamalkan di atas landasan bahawa manusia berkeupayaan untuk mencapai setinggi mungkin kebaikan dan memberi sebanyak mungkin kebaikan kepada orang ramai. Setiap manusia, tidak kira bagaimana latar belakangnya, mempunyai keupayaan untuk mendidik dan dididik.

Penekanan yang diberikan terhadap pemupukan sendiri lebih bertujuan untuk menjaga kepentingan keluarga. Memahami corak pemikiran yang terdapat dalam tamadun Cina dapat memberi kefahaman tentang bagaimana orang China dapat menjadi sebagaimana mereka hari ini.

Di dalam bidang ekonomi, ajarannya menekankan nilai keadilan dan sikap berpatutan. Ini ditekankan terhadap pengagihan kekayaan secara adil dan saksama, dan pekerjaan yang tidak dibahagikan mengikut ras. Keadilan pengagihan kekayaan merupakan ideal penting dalam *the Grand Unity*.

Di dalam aspek politik, perkara yang menjadi penekanan utama ialah bagaimana mewujudkan masyarakat yang matang dalam berfikir, mempunyai daya pemuafakatan yang tinggi, dan cinta kepada keamanan dan keadilan.

*Ketiga, Kesusasteraan, Kesenian, Sains dan Teknologi dalam Tamadun*

**Cina.** Meskipun tamadun Cina pada asasnya merupakan sebuah tamadun yang diasaskan oleh pertanian, namun terdapat beberapa aspek lain turut memberi sumbangan yang besar dalam pembinaannya.

Aktiviti kesenian lebih banyak tertumpu pada bidang penulisan, iaitu kesusasteraan. Kesusasteraan Cina dikatakan bermula seawal kurun ke-14 SM (Sebelum Masihi) dan perkembangannya berlanjutan hinggalah lebih daripada 3,000 tahun. Antara faktor utama yang menyumbang kepada kelestarian kesusasteraan Cina ini ialah penggunaan bahasa ibunda, iaitu Bahasa Cina yang tidak pernah mendapat gangguan daripada mana-mana pihak, meskipun negara Cina pernah diperintah oleh orang asing seperti orang Mongol di zaman Dinasti Yuan (1279-1368 M) dan orang Manchu pada zam pemerintahan Dinasti Qing (1644-1911 M). Keadaan in menjadikan Cina berupaya mengekalkan identitinya, sama ada dari segi lisan atau tulisan.

**Mengenai Kepelbagaian Genre Sastera Cina: klasikPuisi.** Antologinya yang terawal ialah *Shi Jing* (Klasik Puisi) yang mengandungi 305 buah nyanyian untuk upacara keagamaan. Ia dipercayai dikumpul dari kawasan lembah Huanghe pada masa Konfucius hidup, iaitu antara 551-479 SM (Sebelum Masihi). Terdapat empat lagi koleksi puisi yang terpenting dalam tamadun Cina, iaitu *Yi Jing* (Klasik Perubahan), *Shu Jing* (Klasik Sejarah), *Li Ji* (Rekod Ritual), dan *Chun Qiu* (Klasik Musim Bunga dan Musim Luruh) atau juga dikenali sebagai *Wu Jing* (Lima Klasik).

*Shi Jing* (Klasik Puisi) mementingkan elemen lirik lebih daripada elemen naratif. Dari segi fungsinya, ia banyak memainkan peranan sebagai fungsi politik dan sosial selain daripada fungsi sastera. Puisi ini digunakan dalam pertemuan rasmi raja dan pegawai diplomatik. Elemen ini wajar dihayati sebagai satu bentuk tamadun Cina di kalangan pelajar-pelajar IPTA (Institusi Pengajian Tinggi Awam) Malaysia.

Di alaf baru ini dapat dilihat bagaimana jalinan puisi telah memperlihatkan konsep kesepakatan dan keselarian pemikiran di kalangan penyair-penyair Malaysia dan Cina. Umpamanya Sasterawan Negara, Muhammad Haji Salleh, dan penyair Lee Tzu Pheng merakamkan pengalaman puitis mereka, walaupun mempunyai perbezaan biografis antara dunia Kampung Melayu dan Bandar Besar, namun melalui konsep puitika asal-usul mereka dicernakan melalui penggunaan motif alam, perwatakan, dan bahasa. Dalam hal ini puitika peribadi amat terkait dengan tradisi puitika budaya masing-masing. Justeru, warisan budaya Melayu dan budaya Cina saling pengaruh-mempengaruhi di antara kedua penyair berkenaan.

Melalui kajian yang dilakukan oleh Arndt Graf bertajuk “Satu Pertemuan Melayu-Cina dalam Puisi: Muhammad Hj. Salleh dan Lee Tzu Pheng” (2007), beliau merumuskan bahawa sajak *After Experience* tidak hanya merupakan dokumen peribadi tetapi juga berfungsi sebagai satu dokumen pertemuan puitis antara budaya Melayu dan budaya Cina yang menjanjikan lebih jauh lagi kajian puitika Melayu dan puitika Cina.

**Mengenai Prosa.** Prosa klasik, atau dikenali sebagai *guwen*, adalah dominan dalam sastera Cina klasik. Konfucius pernah berkata bahawa orang budiman belajar sastera seluas-luasnya, terkawal nafsunya oleh istiadat dan tidak mungkin tersesat. Pengaruh tamadun dan kehidupan Cina dalam karangan orang-orang Melayu telah lama terkesan dengan indah sekali. Umpamanya dalam teks Melayu klasik, *Hikayat Hang Tuah*, terakam seperti berikut:

[...] setelah sudah diketahuinya akan Bahasa Siam itu, maka Hang Tuah pun mengaji pula pada seorang lebai Cina. Dengan tiada berapa lamanya, maka ia pun tamatlah mengaji Bahasa Cina itu, maka habislah diketahuinya Bahasa Cina itu (Haji Salleh, 1999).

Bahkan kajian Muhammad Haji Salleh (1999) itu merumuskan bahawa betapa Hang Tuah sangat selesa berada di negara Cina, kerana kebolehnya berbahasa Cina, membolehkan beliau turut mendapat penghormatan rakyat tempatan. Oleh yang demikian, pengaruh tamadun Cina yang telah sekian lama terjalin wajarlah dipelajari dengan lebih sistematik melalui penawaran kursus TITAS (Tamadun Islam dan Tamadun Asia).

Sedar atau tidak, pengaruh tamadun dan kehidupan Cina telahpun terakam dalam teks kanun Melayu yang unggul, iaitu *Sejarah Melayu* (Shellabear, 1967). Dalam ceritera ke-15 memperlihatkan hubungan dua hala yang cukup intim. Kiriman dan utusan Raja Cina berupa bingkisan jarum sarat sebuah pilu, sutera, benang emas, khamka dewangga, dan dengan beberapa benda yang gharib-gharib. Maka titah Raja Cina, “*Besar Raja Melaka ini, banyak sungguh rakyatnya, tiada berapa bezanya dengan rakyat kita. Baiklah kuambil akan menantuku*” (Shellabear, 1967:95). Maka bersatulah Sultan Mansur Syah dari Melaka bersama Puteri Hang Li Po dari Cina. Jalinan hubungan ini telah mewujudkan hubungan dua hala yang berkekalan dan telah mencipta tamadun Cina dan Melayu. Tamadun Cina mula mengenali tamadun Melayu, manakala tamadun Melayu mula mempelajari tamadun Cina dari segi pakaian, makanan, bahasa, politik, perkahwinan, dan agama.

Demikianlah juga tamadun Cina telah dirakam dalam salah sebuah karya epik roman popular di kalangan masyarakat Melayu, iaitu *Syair Siti Zubaidah Perang China*. Melalui syair ini diperlihatkan bagaimana hubungan Melayu-Cina dijalinan oleh watak utama, iaitu Siti Zubaidah melakukan pengembaraan melalui hutan tebal hingga tiba di negeri China. Ini menunjukkan hubungan itu bersifat daratan atau “setanah”. Satu lagi peristiwa ialah perjalanan pulang Siti Zubaidah dan Sultan Zainal Abidin dari negari Cina juga rombongan ini berjalan. Peristiwa ini memberikan kesan bahawa telah terdapat hubungan dua hala dalam konteks sastera antara Melayu dan Cina. Hubungan ini dapat dilihat dari segi corak peperangan, alatan peperangan, imansipasi wanita, pakaian, makanan, dan gaya hidup masyarakat Cina itu sendiri (Abdul Ghani ed., 1983). Pengisian syair ini telah memberikan satu implikasi besar dalam konteks memahami tamadun Cina dalam kehidupan masyarakat Malaysia yang dialurkan melalui kesusasteraan.

Tamadun Cina juga boleh dikesan menerusi enam buah cerita klasik Cina yang terkenal, dan karya ini merupakan himpunan kumpulan cerpen (cerita pendek) dalam bahasa Cina klasik. Kenam-enam buah teks itu ialah: (1) *Liao Zai Zhi Yi* atau *Strange Story*, (2) *San Guo Yan Yi* atau *Three Empires*, (3) *Shui Hu Zhuan* atau *Outlaws of the Marsh*, (4) *Xi You Ji* atau *Journey to the West*, (5) *Ru Lin Waishi* atau *The Scholars*, dan (6) *Hong Lou Meng* atau *A Dream of Mansions*. Karya-karya ini banyak yang telah dipentas dan difilemkan, juga disadur dalam bentuk layar perak dan Opera Klasik Cina, dan mendapat sambutan baik daripada penonton. Di kalangan para sasterawan, karya-karya ini dipuji dan dianggap “Permata Sastera Cina” dan merupakan salah sebuah “Mutiar Sastera Dunia” (Salleh Yaapar, 2002).

Salah sebuah karya ini yang telah diterjemah ke Bahasa Melayu ialah karya Liao Zai Yi, yang bertajuk *Pu Songling: Pilihan Cerita Aneh dari Balai Pustaka Liao Zai Yi*, dan diterjemah pada tahun 1997. Menurut penterjemah teks ini, Liang Hong, terjemahan teks ini merupakan sumbangan yang amat penting dalam mendorong pertukaran kebudayaan, khasnya kesusasteraan di antara Malaysia dan Cina (Hong, 1997:xvii). Justeru, teks sastera Cina amat memainkan peranan utama sebagai *platform* pembentukan tamadun Cina dalam tamadun Melayu yang boleh disalurkan melalui penawaran kursus TITAS (Tamadun Islam dan Tamadun Asia).

Demikianlah juga dalam disiplin ilmu kritikan sastera. Tamadun Cina telah melahirkan seorang pelopor kritikan dan sejarawan Cina yang penting, iaitu Liu Hsien. Pemikiran beliau merupakan pemikiran tentang kesusasteraan dan estetika Cina purba. Buku tulisan beliau berjudul *Wen-Hsin Tiao Lungi* atau *Pemikiran Sastera: Suatu Pemilihan*. Karya ini terdiri dari 50 bab dan dibahagikan kepada 2 bahagian. Bahagian pertama membincangkan asal-usul perkembangan serta definisi, sejarah latar bentuk, dan genre yang terdapat pada masa itu. Bahagian kedua pula, secara teratur, Liu Hsien menerangkan prinsip-prinsip, konsep-konsep estetika, dan cara menulis puisi.

Kajian dan pemikiran Liu Hsien adalah satu bentuk kepekaan yang cukup halus dan berseni dalam pendekatan sejarah terhadap kesusasteraan. Apatah lagi Liu Hsien juga turut memperluaskan jenis-jenis estetika Konfucius yang menitikberatkan sifat-sifat dan nilai-nilai tertentu. Lebih kritis lagi, penulisan Liu Hsien menghubungkan perkembangan kesusasteraan dengan perkembangan masyarakat melalui zaman-zamannya. Proses kreatif dan semangat kesenian dalam teori pepuisian Cina, khususnya diwarnai oleh Taoisme, amat wajar dipelajari dalam kursus TITAS (Arif *et al.* eds., 2007).

Wai-Lim Yip, seorang pemikir dan ahli teori mutakhir tentang seni Cina, dalam tulisannya yang berjudul “The Taoist Aesthetic: Wu-Yen Tu-Hua, the Unspeaking, Self-Generating, Self-Conditioning, Self-Tranforming, and Self-Complete Nature” menekankan bahawa seni yang indah dan bernilai ialah seni yang dihasilkan dalam konteks estetika *tzu-jan* (jadilah alam, justeru itu alamiah). Menurut estetika ini, proses kreatif bermula apabila si penyair

mengosongkan fikirannya, kemudian menenggelamkan dirinya ke dalam alam atau benda yang menjadi objek karyanya. Dalam keadaan demikian dapatlah objek tersebut menyerlahkan diri seadanya tanpa sentuhan fikiran penyair. Hal ini akan menyebabkan hasilnya penuh dengan keajaiban, berbeza dengan objek biasa (dalam Arif *et al.* eds., 2007).

Situasi yang sama juga turut mendasari karya-karya penyair ternama Cina seperti Li Po dan Wang Wei. Dengan keindahan seni tamadun Cina ini, yang amat halus dan berseni, wajarlah pengisian penawaran kursus TITAS menyediakan komponen khas seni sastera dalam tamadun Cina. Umpamanya, pengisian penawaran dengan menghayati dan menyelami pemikiran seni Liu Hsien dan teori pepuisian Taoist dalam usaha menjana idea “1Malaysia” seperti yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang ke-6, Datuk Seri Najib Razak. Kemahiran menguasai teori pepuisian Cina secara tidak langsung akan turut mempengaruhi tingkah-laku, tutur-bicara, disiplin diri, dan, sudah tentulah, rakyat yang berhemah. Inilah juga yang mahu dicapai dalam penawaran dan pengajian TITAS.

***Mengenai Sains dan Teknologi.*** Masyarakat Cina mempunyai kepakaran dalam bidang sains dan teknologi. Mereka telah berjaya mencipta magnet semenjak zaman klasik lagi. Penciptaan ini membantu mereka mengetahui arah pelayaran, memburu, dan sebagainya.

Penciptaan kertas pula telah dihasilkan oleh T’sai Lun pada tahun 105 M (Masihi). Penciptaan kertas akhirnya menjadi semakin maju dan menjadi medium untuk menulis surat-surat yang ingin disampaikan kepada pegawai kerajaan kepada rakyat. Sektor perkapalan juga turut mengalami perkembangan. Hal ini mempunyai kaitan dengan dua buah sungai terpenting di Cina, iaitu sungai Yangtze dan sungai Kuning.

## **PERANAN TAMADUN CINA DALAM PEMBINAAN BUDAYA KEBANGSAAN MALAYSIA**

Hubungan yang telah terjalin, bermula dengan hubungan perdagangan semenjak zaman pemerintahan kerajaan Melayu Melaka, seharusnya dilestarikan. Hal ini penting agar pelbagai aspek positif dari tamadun Cina boleh dikongsi bersama dengan rakyat Malaysia dalam proses menghasilkan sebuah tamadun Malaysia yang gemilang. Melalui falsafah dan aliran pemikiran utama yang wujud dalam tamadun Cina, iaitu Confusianisme, masyarakat Malaysia yang terdiri pelbagai etnik boleh mencari nilai universal yang wujud untuk dikongsi bersama.

Ajaran Confusius yang diperoleh daripada dua buah rujukan utamanya, iaitu *Klasik Confusius* dan *Analekta*, memberi penekanan kepada satu falsafah kehidupan yang berpusat kepada “ren”, iaitu satu istilah yang boleh diterjemahkan kepada kebaikan dan kesederhanaan bagi manusia. Bagaimana mengatasi kerendahan moral, banyak dijelaskan di dalam dua buah buku ini. Selain daripada “ren”, konsep “li” juga merujuk kepada susunan tingkah-

laku yang baik. Kung Fu-Tze menegaskan bahawa moral manusia membantu pemerintah yang baik, dan sifat baik itu juga merupakan aset yang paling bernilai dan perlu dimiliki oleh setiap pegawai. Untuk mencapai sikap yang baik, ia seharusnya bermula dengan menanam sikap yang baik ke dalam diri setiap individu.

Konsep “jen” pula menekankan sifat berperikemanusiaan terhadap manusia lain. Bagi Kung Fu-Tze, mereka yang memiliki sifat perikemanusiaan ini akan mempunyai sifat seperti amanah, budi bahasa, rajin, dan murah hati. Bagi ajaran ini juga, kesempurnaan semua manusia adalah kerana usaha mereka dan tidak ada kaitan dengan kuasa ghaib seperti ruh nenek-moyang mereka. Untuk menjadi manusia yang baik, atau *junzi*, semua manusia mempunyai peluang, asalkan ada padanya nilai perikemanusiaan. Idea yang bersifat universal ini boleh diguna-pakai oleh seluruh warga Malaysia agar setiap individu mempunyai perasaan tanggungjawab untuk menjadi individu yang baik.

Selain itu, konsep “lima hubungan utama” yang menitikberatkan kejujuran dan kebaikan perlu menjadi teras dalam mewujudkan masyarakat yang harmoni. Lima hubungan utama itu ialah: (1) hubungan bapa dengan anak, (2) hubungan suami dengan isteri, (3) hubungan saudara tua dengan muda, (4) hubungan raja dan pegawai, dan (5) hubungan sesama sahabat.

Pengenalan konsep *Yin* dan *Yang* oleh pembawa falsafah Taoisme menekankan kepentingan dan keperluan antara satu sama lain untuk menghasilkan keharmonian. Hal ini disebabkan dalam kehidupan, sesuatu dijadikan secara berpasangan, sebagaimana kalau ada lelaki ada wanita; ada yang sihat, mesti akan ada yang sakit. Begitu juga sekiranya ada yang kaya, mesti akan ada yang miskin. Justeru, penciptaan yang berlawanan ini penting agar masing-masing dapat lengkap-melengkapi antara satu sama lain, sebagaimana lelaki memerlukan wanita, begitu jugalah malam memerlukan siang untuk melengkapkan kiraan satu hari dan menyempurnakan aktiviti seharian manusia. Meskipun di Malaysia terdapat banyak ajaran agama, namun mengenali, memahami, dan menghormati ajaran selain dari ajaran yang menjadi milik masing-masing adalah satu amalan yang mulia dan seharusnya menjadi budaya hidup masyarakat yang pelbagai etnik.

Dalam aspek pendidikan pula, tamadun Cina amat menekankan prinsip kekuatan pendidikan dalam pembentukan sebuah negara dan bangsa. Pendidikan ini penting untuk melahirkan masyarakat yang mementingkan kebijaksanaan dan pembentukan akhlak. Sumber pendidikan ini banyak diperoleh dari sumber lama dari ajaran tokoh-tokoh pemikir utama mereka seperti Kung Fu-Tze. Dengan memahami kepentingan pendidikan dalam tamadun Cina akan menjadikan masyarakat di Malaysia lebih memahami alasan kenapa masyarakat Cina amat mementingkan pendidikan dalam semua peringkat pendidikan, bermula dari peringkat rendah hinggalah ke peringkat universiti.

Di dalam sebuah tamadun, proses pembinaan yang meliputi pembentukan negara dan bangsa, dan proses interaksi antara tamadun merupakan satu faktor penting demi menjamin kelestarian kewujudannya. Meskipun perhubungan

yang ingin dibina berasaskan perdamaian, keharmonian, dan kesejahteraan antara satu sama lain, namun tidak dapat dielakkan untuk terjadinya sesuatu yang tidak diinginkan seperti konflik yang mengakibatkan pertumpahan darah. Justeru, dengan mengetahui, memahami, dan bertoleransi maka keadaan yang tidak diinginkan itu mungkin dapat dielakkan. Hal inilah yang menjadi hasrat kepimpinan negara dalam menyediakan generasi muda hari ini yang bakal mewarisi kepimpinan Negara di masa hadapan, satu semangat kecintaan kepada negara melalui kesefahaman, toleransi, dan perpaduan yang tinggi. Selain daripada mengetahui rahsia kejayaan mereka, pengetahuan ini juga merupakan satu *gateway* ke arah memahami etnik Cina dan sekali gus dapat menghakis perasaan prejudis.

Memahami dan mengetahui tamadun Cina juga akan banyak menyediakan panduan bagaimana untuk membentuk sebuah tamadun yang lestari; sebagaimana dikatakan bahawa tamadun Cina antara tamadun dunia yang paling lama tempoh hayatnya. Oleh hal yang demikian, pengetahuan tentang tamadun Cina akan mampu memberi sumbangan yang besar dalam membentuk budaya kebangsaan Malaysia, yang merupakan *platform* penting dalam membina tamadun Malaysia.

## RUMUSAN

Sebagai memenuhi aspirasi negara untuk melahirkan masyarakat yang ideal, sebagaimana pula yang digambarkan dalam agenda utama Malaysia, iaitu Wawasan 2020, maka pengisian yang diberikan tentang tamadun Cina ini akan dapat membantu generasi muda, terutama dalam menyediakan pengetahuan asas. Pengetahuan tentang sejarah hubungan Melayu dan Cina menjelaskan kepada kita, rakyat Malaysia, bahawa hubungan dua hala ini telah lama wujud dan kini tibalah masanya untuk mengukuhkan semula hubungan tersebut dalam konteks yang pelbagai.

Pengetahuan tentang unsur-unsur asas dalam tamadun Cina akan lebih memahamkan kita tentang apakah budaya hidup yang diamalkan oleh masyarakat tersebut dan bagaimanakah budaya tersebut berjaya melahirkan masyarakat Cina, sebagaimana yang dilihat hari ini. Bukan itu sahaja, budaya hidup yang menjadi amalan mereka, dengan memberi penekanan yang tinggi terhadap nilai-nilai moral yang terdapat dalam ajaran Confucianism dan Taoism, akhirnya menjadikan mereka masyarakat yang dapat memberi sumbangan, sama ada dalam aspek kesenian mahupun sains dan teknologi.

Jika dilihat kepada kandungan silibus, kursus TITAS (Tamadun Islam dan Tamadun Asia) ini cukup kaya dengan pengetahuan yang dapat dijadikan pedoman dalam usaha mewujudkan sebuah negara maju yang berasaskan acuan tersendiri dengan kekuatan yang terbina dari adunan beberapa tamadun besar dunia, seperti tamadun Cina.

Jika dikaji tentang masalah yang dihadapi oleh manusia, kebanyakannya berpunca daripada krisis nilai. Manusia tidak mampu menjadikan nilai murni sebagai asas dalam mewujudkan hubungan yang harmoni, sama ada sesama

manusia atau antara manusia dengan alam. Kehilangan nilai-nilai murni dalam menjalani kehidupan akhirnya menggugat kesejahteraan dan keamanan negara. Apabila manusia menyedari nilai universal atau sepunya yang boleh dikongsi bersama, sama ada dalam konteks kekeluargaan mahupun kenegaraan dan alam sekitar, maka perasaan hormat-menghormati dan kesefahaman akan lahir dan subur, terutama dalam masyarakat yang berbilang etnik, budaya, dan agama. Sesuai dengan *nature* Malaysia sebagai sebuah negara yang memiliki etnik yang pelbagai, sudah tentulah resipi untuk menghasilkan kejayaan dalam sebuah kehidupan juga perlu dipelbagaikan.

## Bibliografi

- Abdul Ghani, Abdul Mutalib [ed]. (1983). *Syair Siti Zubaidah Perang China*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Yazid, Afifah. (2003). *Pengajian Tamadun Asia*. Bentong, Malaysia: Penerbit PTS.
- Ahmad Badawi, Abdullah. (2001). "Ucapan Perdana Menteri Malaysia" semasa merasmikan *Seminar Dialog Peradaban: Peranan dan Kepentingan di Malaysia*, anjuran Pusat Dialog Peradaban dan INMIND di Kuala Lumpur, Malaysia, pada 27-28 Ogos.
- Arif, Sazelin *et al.* [eds]. (2007). *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Shah Alam, Selangor Darul Ehsan: McGraw Hill.
- Baharudin, Azizan. (2000). "Latihan Kakitangan Resource". *Kertas kerja* dibentangkan dalam Bengkel Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran TITAS di UM [Universiti Malaya], Kuala Lumpur, Malaysia.
- Bairun, Fawzia. (1993). *Malik Bennabi: His Life and Theory of Civilization*. Selangor, Malaysia: Budaya Ilmu, Terjemahan.
- Bakar, Osman *et al.* (2009). *Modul Pengajian Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit UM [Universiti Malaya].
- Chong Hoe, Lok. (1998). *Tamadun Cina: Falsafah, Pandangan Hidup, dan Aspek-aspek Kesenian*. Pulau Pinang, Malaysia: Penerbit USM [Universiti Sains Malaysia].
- DBP [Dewan Bahasa dan Pustaka]. (1987). *Kumpulan Kritikan Sastera Timur dan Barat: Bengkel Latihan dan Praktik Terjemahan Teori Sastera Anjuran Persatuan Penterjemah Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Graf, Arndt. (2007). "Satu Pertemuan Melayu-Cina dalam Puisi: Muhammad Hj Salleh dan Lee Tzu Pheng". *Kertas kerja* dibentangkan dalam Seminar Sastera dan Perpaduan di Universiti Malaysia Perlis.
- Haji Salleh, Muhammad. (1999). *Menyeberang Sejarah*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hong, Liang. (1997). *Pu Songling: Pilihan Cerita Aneh dari Balai Pustaka Liao Zai Yi*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka, Terjemahan.
- Huntington, Samuel. (1993). "Clash of Civilizations" dalam *Foreign Affairs*, 72(3), ms.22-49.
- Kay Kim, Khoo. (2005). "Asimilasi Tamadun Cina dan India dalam Konteks Pembinaan Tamadun Malaysia" dalam *Prosiding Seminar Pemantapan Kurikulum TITAS dan Hubungan Etnik Peringkat Kebangsaan*. Kuala Lumpur, Malaysia: UM [Universiti Malaya].
- Khalid, Esa & Mohd Azhar Abd Hamid [eds]. (2004). *Beberapa Aspek Tamadun Melayu, India, China, dan Jepun*. Skudai, Johor, Malaysia: Penerbit UTM [Universiti Teknologi Malaysia].

- Li Ji, Liang. (2009). *Lembaran Sejarah Gemilang: Hubungan Empayar Melaka – Dinasti Ming Abad ke-15*. Bangi, Selangor Darul Ehsan: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia], cetakan kedua.
- Mohamad, Mahathir. (1996). “Ucapan Perdana Menteri Malaysia” semasa menghadiri *the 2<sup>nd</sup> Malaysia-China Forum 1996* di Beijing, China, pada 25 September.
- Musa, Hashim. (2005a). *Pemeriksaan Tamadun Melayu Malaysia Menghadapi Globalisasi Barat*. Kuala Lumpur: Penerbit UM [Universiti Malaya].
- Musa, Hashim. (2005b). “Ke Arah Pengajaran TITAS dan Hubungan Etnik yang Holistik”. *Kertas kerja* dibentangkan dalam Seminar Pemantapan Kurikulum TITAS dan Hubungan Etnik Peringkat Kebangsaan di UiTM (Universiti Teknologi MARA), Shah Alam, Malaysia.
- Naquib al-Attas, Syed. (1972). *Islam dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit UM [Universiti Malaya].
- Rassekh, S. & G. Vaideanu. (1997). *The Content of Education: A Worldview of Their Development from the Present to the Year 2000*. Paris: UNESCO [United Nations for Education, Scientific, and Cultural Organization] in Teaching Inovation.
- Sainuddin, Samri. (2003). *TITAS: Tamadun Melayu*. Tanjung Malim, Malaysia: Quantums Books.
- Salleh Yaapar, Md. (2002). *Ziarah ke Timur*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sanusi, Abdullah. (1998). “Teks Ucapan” dalam Sempena Perasmian Bengkel Pengajaran Tamadun Islam di UM [Universiti Malaya], Kuala Lumpur, Malaysia.
- Shellabear, W.G. (1967). *Sejarah Melayu*. Petaling Jaya, Malaysia: Penerbit Fajar Bakti.
- Syariefudin Abdullah, Mohd *et al.* [eds]. (2005). *Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran TITAS*. Tanjung Malim, Perak, Malaysia: Penerbit UPSI [Universiti Pendidikan Sultan Idris].
- UM [Universiti Malaya]. (2004). *Tamadun Islam dan Tamadun Asia: Buku Teks TITAS untuk Institut Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit Universiti Malaya.
- Unit TITAS [Tamadun Islam dan Tamadun Asia]. (2005). *Prosiding Seminar Pemantapan Kurikulum TITAS dan Hubungan Etnik Peringkat Kebangsaan*. Shah Alam, Malaysia: Unit TITAS, Pusat Pemikiran dan Kesefahaman (CITU), dan Penerbit UiTM [Universiti Teknologi MARA].
- Wehr, Hans. (1974). *A Dictionary of Modern Written Arabic*. Wiesbaden: Otto Harrassowitz.



**Gambar Masyarakat Malaysia yang Berbilang Kaum**

(Sumber: [www.google.com](http://www.google.com), 2 April 2012)

Sesuai dengan *nature* Malaysia sebagai sebuah negara yang memiliki etnik yang pelbagai, sudah tentulah resipi untuk menghasilkan kejayaan dalam sebuah kehidupan juga perlu dipelbagaikan.